

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01 APRIL 2017

PM kotakan janji bawa pulang 9 rakyat Malaysia

BH-1/4/2017

Sepang: Datuk Seri Najib Razak mengotakan janji untuk membawa pulang sembilan rakyat Malaysia yang dihalang meninggalkan Korea Utara sejak 7 Mac lalu berikutan krisis diplomatik Kuala Lumpur-Pyongyang.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, berkata Perdana Menteri terbabit secara langsung dan mengikuti rapat setiap proses rundingan untuk membawa pulang rakyat Malaysia dengan selamat.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada Kementerian Luar untuk mengetuai rundingan dengan Korea Utara dan dipercayai saluran diplomasi untuk menyelesaikan krisis ini.

“Alhamdulillah, kami tidak mengecewakan beliau dan hari ini (semalam), janji Perdana Menteri untuk membawa pulang mereka dengan selamat sudah ditunai-kan,” katanya pada sidang media di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Kerjasama berpasukan

Anifah berkata, kejayaan itu juga adalah kerjasama berpasukan membabitkan pelbagai agensi termasuk Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengangkutan.

Beliau turut berbangga dengan setiap rakyat Malaysia di Korea Utara yang sentiasa tabah dan per-



Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada Kementerian Luar untuk mengetuai rundingan dengan Korea Utara dan dipercayai saluran diplomasi untuk menyelesaikan krisis ini”

Anifah Aman,
Menteri Luar

caya dengan keupayaan kerajaan untuk membawa mereka pulang dengan selamat.

Sementara itu, Anifah berkata, Malaysia menarik semula larangan rakyat Korea Utara meninggalkan negara ini serta-merta.

“Seperti yang anda sedia maklum, proses bedah siasat mayat Kim Jong-nam sudah selesai dan kita sudah menghantar mayat mendiang balik ke negara asal, seperti yang dituntut ahli keluarga.

“Susulan itu, larangan keluar ke atas rakyat republik itu dari Malaysia turut dibatalkan,” katanya.

Anifah berkata, siasatan berhubung kes pembunuhan abang pemimpin tertinggi Korea Utara itu akan tetap diteruskan bagi memastikan individu yang melaku-

kannya dibawa ke muka pengadilan.

Di **Kuala Lumpur**, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, memuji tindakan Najib yang berjaya membawa pulang sembilan rakyat Malaysia dari Korea Utara secara demokrasi.

“Kita sudah berdepan dengan situasi itu dan apa yang penting usaha untuk menyelamatkan. Kejayaan ini sangat penting dan kita sudah laksanakan apa yang perlu dilakukan.

“Perdana Menteri tahu apa yang perlu dilakukan dan usaha yang dilaksanakan itu membawa kebaikan kepada semua pihak,” katanya selepas majlis perasmian Karnival Ulang Tahun ke-25 Institut Kemanusiaan Islam Malaysia (IKIM) dan Pelancaran Buku IKIM, semalam.